

PELAKSANAAN PENDEKATAN BELAJAR MELALUI BERMAIN TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN ASAS MEMBACA MURID-MURID PRASEKOLAH

Azah Hazwa Mohamad Paris
hazwa1982@yahoo.com

Suziyani Mohamed
suziyanimohamed@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Bermain merujuk kepada sebagai sebarang bentuk aktiviti yang memberikan kegembiraan dan kepuasan kepada kanak-kanak. Melalui bermain kanak-kanak dapat meneroka serta berinteraksi dengan persekitaran mereka. Ini secara langsung memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar dan memahami persekitaran mereka dalam suasana mengembirakan dan berkesan. Bermain juga mendorong berlakunya perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Ini mengukuhkan bahawa, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak seharusnya menggunakan pendekatan bermain. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan pendekatan belajar melalui bermain terhadap pencapaian kemahiran asas membaca murid-murid prasekolah. Kaedah kuasi-eksperimental digunakan dalam kajian ini dan melibatkan 50 orang murid-murid prasekolah. Murid-murid ini dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan mengikuti pembelajaran dengan menggunakan pendekatan belajar melalui bermain manakala kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran menggunakan pendekatan konvensional. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian asas membaca di antara murid dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini menunjukkan pendekatan belajar melalui bermain membantu peningkatan dalam pencapaian kemahiran asas membaca murid-murid prasekolah. Kajian ini memberi implikasi kepada proses pengajaran yang dilaksanakan oleh guru prasekolah dan proses pembelajaran murid-murid prasekolah

Kata kunci: *Pendekatan belajar melalui bermain; kemahiran asas membaca; prasekolah*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan prasekolah adalah satu program pendidikan yang dikhususkan kepada kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun. Matlamat pendidikan prasekolah adalah untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran asas, mendorong perkembangan potensi secara menyeluruh serta satu persediaan bagi murid prasekolah untuk memasuki alam sekolah rendah. Pendidikan prasekolah memberi peluang kepada murid untuk memperoleh kemahiran asas seperti menulis, membaca, mengira dan menaakul. Kemahiran membaca adalah salah satu kemahiran yang menjadi fokus utama dalam pendidikan prasekolah. Kemahiran membaca ini

terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 di bawah Tunjang Komunikasi. Kemahiran membaca ini merangkumi kemahiran prabaca, mengenal huruf abjad, membaca suku kata, membaca frasa dan ayat, membaca bahan bacaan dan memupuk bacaan luas bagi murid-murid prasekolah. Kemahiran membaca tidak hanya diberi penekanan dalam sistem pendidikan malah ia menjadi satu kayu ukur bagi masyarakat dalam menilai kebolehan seseorang murid.

Pendedahan awal kemahiran membaca yang bermula dari peringkat prasekolah dapat membantu memupuk minat murid-murid terhadap bahan bacaan serta memberi persediaan kepada mereka untuk menguasai kemahiran membaca pada peringkat seterusnya. Kajian oleh Nur Shakirah & Muhammad Saiful Haq (2017) menyatakan bahawa fenomena murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca masih menjadi isu yang disebut-sebut oleh masyarakat. Masyarakat dilihat membuat tanggapan bahawa murid yang tidak boleh membaca merupakan murid yang ketinggalan dalam pelajaran mereka. Selain itu, kemahiran membaca perlu diberi penekanan bagi membantu murid meneruskan kelangsungan pembelajaran mereka di sekolah rendah. Masalah murid-murid tidak boleh membaca boleh mendatangkan masalah yang lebih berat jika langkah mengatasi dan penambahbaikan tidak dilakukan mengikut kajian oleh Hasnalee & Zulkifley (2011). Penekanan terhadap kemahiran membaca di peringkat prasekolah dilihat dapat membantu murid menguasai kemahiran ini di peringkat lebih awal. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan program Literasi dan Numerasi (LINUS) bermula tahun 2010 sehingga kini juga bertujuan untuk mengatasi masalah tidak menguasai kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah mengikut kajian oleh Nur Shakirah & Muhammad Saiful Haq (2017). Ini jelas menunjukkan langkah memberi pendedahan awal kemahiran membaca kepada murid-murid prasekolah bertepatan bagi membantu usaha kerajaan tersebut.

Oleh yang demikian, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian perlu dipraktikkan di peringkat prasekolah bagi memastikan murid menguasai kemahiran asas membaca. Proses pembelajaran perlu berlaku dalam suasana yang dapat mendorong minat dan perhatian murid-murid prasekolah. Selari dengan fitrah mereka sebagai kanak-kanak, bermain merupakan faktor utama yang dilihat dapat membantu murid prasekolah untuk belajar. Bermain merupakan fokus utama pembelajaran kanak-kanak kerana melalui bermain, kanak-kanak dapat mengintegrasikan semua pembelajaran dan meningkatkan potensi mereka secara optimum seperti yang dikaji oleh Tovey (2013).. Kajian lepas juga telah membuktikan pendekatan belajar melalui bermain membantu perkembangan dan pembelajaran murid-murid prasekolah serta menyediakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada mereka (Zakiah, Azlina & Yeo 2013). Malah menurut kajian oleh Aliza, Zahara & Rohaty (2011) mendapati bermain adalah pendekatan terbaik untuk mengajar kanak-kanak membaca dan dapat membantu kanak-kanak menguasai kemahiran tersebut. Pendekatan belajar melalui bermain memberi peluang kepada murid prasekolah berinteraksi dengan persekitaran mereka. Interaksi murid terhadap gambar, huruf dan perkataan yang terdapat di sekeliling mereka ketika bermain dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Ini turut disokong melalui kajian oleh Aliza Ali, Zahara Aziz & Rohaty Majzub (2011) belajar melalui bermain

secara langsung mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan dan merupakan satu pendekatan terbaik untuk mengajar kanak-kanak membaca.

Kajian-kajian tersebut telah membuktikan banyak kelebihan pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain dalam proses pembelajaran murid prasekolah. Namun dapatan kajian oleh Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali (2012) menunjukkan terdapat beberapa faktor kekangan bagi pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain di kelas prasekolah. Faktor kekangan yang dinyatakan adalah peruntukan masa, pengurusan bahan, kawalan murid, ruang tidak sesuai, kemahiran guru dan sokongan pentadbir dan ibu bapa. Kekangan yang wujud dilihat sebagai faktor penghalang bagi guru melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain. Di harapkan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada guru prasekolah tentang kepentingan bermain dalam proses pembelajaran murid-murid prasekolah. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi input kepada pihak berkaitan untuk memberi bantuan atau membuat penambahbaikan bagi mendorong pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain di kelas prasekolah.

Pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain dalam pendidikan prasekolah dilihat bersesuaian dengan fitrah murid prasekolah sebagai kanak-kanak yang suka bermain. Namun terdapat kekangan yang menyebabkan pendekatan belajar melalui bermain tidak dapat dilaksanakan di kelas prasekolah. Kekangan tidak hanya berlaku di kalangan guru prasekolah malah turut melibatkan Jabatan Pendidikan dan ibu bapa. Dapatan kajian oleh Norsuhaily Abu Bakar, Normadiyah Daud, Nadhirah Nordin & Abdul Hakim Abdullah (2015) mendapati kekangan yang berlaku adalah berkaitan sukatan pelajaran, kewangan terhad, permintaan Jabatan Pendidikan, kekurangan peralatan, ruang tidak mencukupi, permintaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik murid dan masalah disiplin akibat bermain. Guru prasekolah berada dalam situasi yang menyebabkan mereka tidak terdorong untuk melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain di kelas prasekolah. Kajian ini amat diharapkan dapat meyakinkan guru prasekolah bahawa pendekatan belajar melalui bermain memberi impak positif kepada pembelajaran murid-murid prasekolah. Secara langsung diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan agar tindakan bersesuaian dilakukan oleh pihak berkaitan dalam mendorong kejayaan pelaksanaan pendekatan ini dalam pendidikan prasekolah.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji keberkesanan pendekatan belajar melalui bermain terhadap pencapaian kemahiran asas membaca murid-murid di peringkat prasekolah. Kajian ini juga bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut.

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca murid yang diberi pendedahan belajar melalui bermain dalam ujian pra dan pasca?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca murid yang diberi pendedahan dengan belajar secara konvensional dalam ujian pra dan pasca?

2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kuasi eksperimen digunakan sebagai reka bentuk kajian. Jenis reka bentuk eksperimen yang dipilih bagi kajian ini ialah reka bentuk ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra dan ujian pasca ini diuji ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Ujian pra dan ujian pasca dapat membantu pengkaji untuk melihat perubahan dari segi peningkatan atau pengurangan pencapaian kedua-dua kumpulan. Dengan memilih reka bentuk ini juga, pengkaji ingin melihat kesan dua jenis pendekatan pengajaran asas membaca terhadap pencapaian kemahiran asas membaca dua kumpulan murid prasekolah. Kumpulan eksperimen diberi pendedahan kepada pendekatan belajar melalui bermain. Kumpulan kawalan pula didedahkan dengan pendekatan pengajaran asas membaca secara konvensional. Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesan penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dan pendekatan konvensional ke atas kumpulan tersebut dalam ujian pra dan ujian pasca, maka nilai t kedua-dua kumpulan dibandingkan pada aras signifikan 0.05.

Kajian ini melibatkan 50 orang murid prasekolah (KPM) di dua buah Sekolah Kebangsaan di negeri Perak. Murid tersebut telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diwakili oleh 25 orang murid dan kumpulan kawalan juga diwakili oleh 25 orang murid. Setiap sekolah mewakili satu kumpulan kajian. Ini bagi memastikan sesi pengajaran yang dilaksanakan kepada satu kumpulan tidak mempengaruhi kumpulan lain. Sampel kajian bagi kedua-dua kumpulan merupakan murid prasekolah yang berumur enam tahun di dua buah sekolah tersebut

Instrumen kajian bagi kajian ini adalah set soalan asas membaca iaitu set soalan ujian KEMBARA telah digunakan untuk mengumpul data. Ujian ini mengandungi tiga bahagian iaitu menyebut huruf, membaca suku kata dan membaca perkataan mudah. Set ujian ini mengandungi 10 soalan. Bagi memastikan kesahan kandungan set soalan yang digunakan, pengkaji telah menggunakan set soalan KEMBARA yang dihasilkan oleh JPN Perak. Set soalan ini digubal oleh panel yang terdiri daripada jurulatih-jurulatih utama prasekolah di negeri Perak bagi memastikan soalan-soalan tersebut bersesuaian dengan kebolehan murid prasekolah.

Jadual 1 Taburan spesifikasi ujian

Kemahiran	Jumlah soalan
Menyebut huruf	5
Membaca suku kata (KV)	1
Membaca suku kata (VKV)	1
Membaca suku kata (KVKV)	1
Membaca suku kata (KVK)	1
Membaca perkataan mudah	1

Analisis data ujian pra dan ujian pasca di nilai berdasarkan dua tahap pencapaian iaitu menguasai dan tidak menguasai. Data yang diperolehi daripada ujian adalah berbentuk

kuantitatif. Pengkaji menggunakan analisis data secara berkomputer menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences) untuk mendapatkan keputusan analisis yang tepat. Dapatan daripada SPSS dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk memudahkan data di analisis

3.0 PERBINCANGAN

Persoalan kajian 1: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca murid yang diberi pendedahan belajar melalui bermain dalam ujian pra dan pasca?

Bagi melihat kesan pendekatan belajar melalui bermain terhadap pencapaian kemahiran asas membaca bagi kumpulan eksperimen, analisis dijalankan dengan cara membandingkan pencapaian mereka dalam ujian pra dan pasca.

Jadual 2 Dapatan kajian kepada persoalan kajian 1

Ujian	Kumpulan murid	N	Min	SP	Nilai-t	df	p
Pra	Eksperimen	25	1.24	.436	-6.000	24	.000
Pasca			1.84	.374			

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan kajian kepada persoalan 1. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian kumpulan eksperimen, $t = -6.000$, $p < 0.05$ dalam ujian pra dan ujian pasca. Pengkaji menolak hipotesis nul iaitu terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan ujian pasca. Ini bermakna rawatan atau pendekatan pengajaran belajar melalui bermain dapat meningkatkan pencapaian asas membaca murid-murid prasekolah

Persoalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca murid yang diberi pendedahan dengan belajar secara konvensional dalam ujian pra dan pasca?

Untuk melihat kesan pendekatan pengajaran konvensional ke atas pencapaian kemahiran asas membaca bagi kumpulan kawalan, analisis data dijalankan dengan membandingkan pencapaian mereka dalam ujian pra dan pasca.


Jadual 3 Dapatan kajian kepada persoalan kajian 2

Ujian	Kumpulan murid	N	Min	SP	Nilai-t	df	p
Pra	Kawalan	25	1.28	.458	-1.000	24	.327
Pasca			1.36	.490			

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian kepada persoalan 2. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian kumpulan kawalan, $t = -1.000$, $p > 0.05$ dalam ujian pra dan ujian pasca. Pengkaji gagal menolak hipotesis nul iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian asas membaca kumpulan kawalan dalam ujian

pra dan ujian pasca. Ini bermakna pendekatan pengajaran secara konvensional tidak berkesan untuk meningkatkan pencapaian asas membaca murid-murid prasekolah.

Rajah 1 menunjukkan perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Terdapat peningkatan ketara bilangan murid yang menguasai kemahiran asas membaca dalam ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan terhadap kumpulan eksperimen. Peningkatan pencapaian bagi kumpulan eksperimen membuktikan bahawa pendekatan belajar melalui bermain memberi impak positif terhadap pencapaian kemahiran asas membaca murid-murid prasekolah. Pendekatan belajar melalui bermain dapat mendorong murid-murid prasekolah untuk menguasai kemahiran asas membaca. Berbeza pula bagi kumpulan kawalan. Pendekatan konvensional dilihat tidak membantu murid-murid prasekolah untuk menguasai kemahiran asas membaca.



Rajah 1: Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pendekatan belajar melalui bermain dilihat sebagai satu pendekatan pembelajaran yang dapat membantu murid prasekolah untuk menguasai kemahiran asas membaca. Kajian ini mendapati murid prasekolah yang mengikuti sesi pembelajaran melalui bermain menunjukkan peningkatan pencapaian dalam menguasai kemahiran asas membaca. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan membolehkan murid prasekolah bergerak aktif merupakan faktor pendorong bagi menarik minat mereka terlibat dalam sesi pembelajaran. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini

membuktikan bahawa pendekatan belajar melalui bermain dapat memberikan kesan positif ke atas murid-murid prasekolah dalam menguasai kemahiran asas membaca.

5.0 RUJUKAN

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2016. Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(1): 16-29.
- Aliza Ali, Zahra Aziz & Rohaty Majzub. 2011. Teaching and learning reading through play. *World Applied Sciences Journal* 14: 15-20.
- Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid. 2011. Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu Asian Social Sciences* 6: 29-47.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. NKRA (National Key Result Areas) LINUS
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.
- Norsuhaily Abu Bakar, Normadiyah Daud, Nadhirah Nordin & Abdul Hakim Abdullah. 2015. Developing intergrated pedagogical approaches in play pedagogy: Malaysian experiences. <file:///C:/Users/User/Downloads/44296-152490-1-SM.pdf>[23[5 Mac 2019].
- Nur Shakirah Azizan & Muhammad Saiful Haq Hussin. 2017. Penguasaan asas membaca Bahasa Melayu melalui program LINUS di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* 28: 135-163.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah. *Malay Language Education Journal* 2(1): 141-159.
- Tovey, H. 2013. *Bringing the Froebel Approach to Your Early Years Practice*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd Kosnin & Yeo Kee Jiar. 2013. The effectiveness of learning through play module on the understanding of number concept among preschool children. *Journal of Education and Practice* 4(27): 198-205.